

BERITA

GERBANG INOVASI | KUALITI | PRODUKTIVITI

SUKU TAHUN (2/2021)



MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

DITERBITKAN
SEJAK
2002

AUDIT PEMANTAUAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI MS ISO 9001 : 2015



Berikutan jangkitan kes penularan wabak Covid-19 yang melibatkan kakitangan Majlis dan kawasan sekitar, pihak Majlis telah melaksanakan Audit Pemantauan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001 : 2015 SECARA ATAS TALIAN pada 6 dan 7 Mei 2021 (Khamis dan Jumaat). Audit ini merupakan audit pemantauan yang dihadiri oleh tiga orang auditor daripada sirim. Sesi pengauditan yang berlangsung selama 2(dua) hari itu berjalan dengan lancar dan mendapat kerjasama yang baik dari semua ketua-ketua jabatan serta kakitangan MPT.

MAJLIS PERBANDARAN TAIPING Ke arah Sustainable Development Goals (SDGs).

Sustainable Development Goals (SDGs) adalah koleksi 17 Matlamat Global yang ditetapkan oleh PBB pada tahun 2015. SDGs adalah sebahagian daripada Resolusi Perhimpunan Agung PBB : Mengubah DuniaKita : Agenda 2030 untuk pembangunan Mampan." SDGs meliputi isu pembangunan sosial dan ekonomi termasuk kemiskinan, kelaparan, kesihatan, pendidikan, pemanasan global, kesetaraan gender, air, sanitasi, tenaga, urbanisasi, alam sekitar dan keadilan sosial. Antara Matlamat Pembangunan adalah :

- Tiada kemiskinan : Untuk membina daya tahan dan menamatkan kemiskinan dalam semua bentuk dimana-mana.
- Kelaparan sifar : Menamatkan kelaparan, mencapai jaminan makanan dan nutrisi yang lebih baik serta menggalakkan pertanian mampan.
- Kesihatan baik dan kesejahteraan : Memastikan kehidupan sihat dan menggalakkan kesejahteraan kepada semua dalam semua lapisan umur.
- Pendidikan berkualiti : Menjamin pendidikan menyeluruh dan ekuiti serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat kepada semua.



SATU CETUSAN BAHARU OLEH

ZOO TAIPING & NIGHT SAFARI

BOSAN DUDUK DI RUMAH? TAPI TERINGIN UNTUK MELIHAT HAIWAN-HAIWAN DI ZOO TAIPING & NIGHT SAFARI (ZTNS)?

JANGAN RISAU!

Kini pihak Zoo Taiping & Night Safari akan menganjurkan Sesi FB dan INSTAGRAM LIVE bersama pengunjung yang dirindui. Tidak kira di mana anda berada, anda berpeluang melawati Zoo Taiping & Night Safari secara atas talian.

"ONLINE NOW ONSITE LATER"



Majlis Perbandaran Taiping



No Kad Pengenalan



Kata laluan

LOG MASUK

Pengguna Baru
Lupa kata laluan?

v1.01

PEMBAYARAN DALAM TALIAN MPT MELALUI APLIKASI MYMPT

Orang awam boleh membuat semakan dan pembayaran bil MPT khususnya Bayaran Cukai Taksiran, Lesen, Sewaan dan Kompaun dalam talian melalui aplikasi myMPT. Duduk rumah sekiranya tiada urusan penting. Optimalkan amalan urusan secara dalam talian (online).

#mpt #taiping #perak #mympt #online #pkp #kitamestimenang #kitajagakita #masyarakatperlutahu #masyarakatprihatin #masyarakatberadab

PEMBERSIHAN DAN DISINFEKSI KAWALAN COVID-19 OLEH JABATAN PERKHIDMATAN BANDAR DAN KESIHATAN, MPT

Pembersihan dan disinfeksi telah dijalankan di Medan Selera Jalan Simpang (Batu 2 1/2). Aktiviti disinfeksi merupakan usaha pihak Majlis dalam mengekang penularan wabak COVID-19 melalui semburan disinfeksi bagi mengurangkan risiko penyebaran virus. Nasihat Kesihatan. PKP 3.0 bermula 1 Jun sehingga 14 Jun 2021. Teruskan amalan norma dan kebiasaan baharu dalam menjalani kehidupan seharian. Patuhi SOP dan bersama kita hentikan penularan COVID-19.



A. ELAKKAN 3C/3S

- Kawasan yang Sesak (Crowded Place).
- Kawasan Sempit (Confined Space).
- Bersempang jarak dekat (Close Conversation).

B. AMALKAN 3W

- Kerap cuci tangan dengan air dan sabun atau hand sanitizer (wash)
- Memakai pelitup muka di tempat awam dan dalam kenderaan awam (Wear).
- Patuhi (Warn) peringatan KKM iaitu ; elakkan bersentuhan, amalkan etika batuk, duduk rumah / lakukan disinfeksi & pembersihan di kawasan yang kerap di sentuh.

PROGRAM PENGURUSAN TURUN PADANG OLEH JABATAN KEJURUTERAAN

1. 16.03.2021 Pejabat Tapak Pasar Taiping
2. 28.03.2021 Projek Kesejahteraan Bandar TPPM 2020
3. 30.03.2021 Perak Extreme Park, Kamunting
4. 03.04.2021 Jeti Pelancongan Lumut
5. 15.04.2021 Sekolah Kebangsaan Kamunting
6. 06.05.2021 Projek CCTV M-POD Syarikat HSC Sdn. Bhd
7. 01.06.2021 Taman Seri Larut Dikawasan Runtuhan
8. 14.06.2021 Taman Seri Larut dikawasan runtuhan bersebelahan Sg Larut.
9. 15.06.2021 Jambatan Sungai Bt Tegoh - Jalan Aun Say
10. 30.06.2021 Kampung Pinang dan Taman Kamunting Permai
11. 30.06.2021 Depoh Rapid Kamunting



DITERBIT OLEH :
BAHAGIAN KUALITI

EDITOR :
TN HJ NORAZLANI B HAMADUDIN

URUSETIA :
EN MUHAMAD SUFISHAHIRAN B SUHAIMI
PUTERI FAZIRA SYAWATI BT MOHAMAD



[Al-Adab al-Syar'iyyah: 1/23]

Janganlah engkau mendebat orang yang santun dan orang yang bodoh; Karena orang yang santun akan mengalahkanmu, sedang orang yang bodoh akan menyakitimu